

Sunnah sebagai Bayān kepada al-Quran

ARIFFIN OMAR

ABSTRAK

Hadith ialah apa sahaja yang disandarkan kepada Nabi (s.a.w) sama ada perkataan, perbuatan, perakuan, mahupun sifat-sifat nabi (s.a.w) Ia juga disebut sebagai sunnah. Manakala al-Qur'an pula ialah kitab yang diturunkan oleh Allah swt. kepada Nabi Muhammad (s.a.w), sebagai petunjuk kepada manusia. Al-Quran merupakan mukjizat agung kepada Muhammad (s.a.w), yang mengandungi segala maklumat yang diperlukan dan dihajati oleh manusia untuk mencapai kedamaian dunia dan akhirat. Sunnah berperanan untuk memberi penjelasan kepada al-Quran, supaya ia menjadi lebih terperinci dan lebih khusus serta membuat pengecualian-pengecualian yang tertentu dan juga membuat penambahan-penambahan yang diperlukan. Oleh itu sunnah hendaklah dibaca secara bersama dengan al-Quran bagi maksud mengambil hukum dan sebarang maklumat dalam berbagai bidang, seperti aqidah, akhlak, mu'amalah dan lain-lain.

PENDAHULUAN

Semua urusan agama di zaman Rasulullah (s.a.w) adalah diterima secara terus menerus daripada baginda (s.a.w) berdasarkan wahyu al-Qur'an yang diturunkan kepadanya dan penerangan yang dibuat oleh baginda sama ada dengan kata-kata, perbuatan atau perakuan. Penerangan ini dinamakan Sunnah. Dengan itu para sahabat (r.a.) secara ijmak memutuskan bahawa Sunnah Rasulullah (s.a.w) adalah wajib diamalkan dan ia adalah menjadi salah satu sumber agama pada setiap zaman dan tempat.

D1 samping perkataan Sunnah terdapat satu perkataan lagi iaitu Hadith yang juga dipakai oleh muhaddithin. Kedua-dua perkataan ini perlu di ketahui dan difahami maknanya sama ada dari segi bahasa ataupun istilah.

PENGERTIAN HADITH

Pengertian Hadith dari segi bahasa:

1. (الْحَدِيثُ) diertikan dengan sesuatu yang baharu iaitu lawan kepada perkataan (الْقَدْمُ) (sedia) seperti kata-kata al-Jauhari: (Hadīth as-Sunnah) (Jamaluddin Muhammad 3, 1303H: 136–139). Maksudnya: “Umur yang baharu (muda)”

2. (الْحَدِيثُ) diertikan dengan khabar, berita dan pembicaraan dengan tidak dikecualikan sama ada sedikit ataupun banyak, manakala lafaz jamak dari perkataan (الْأَحَادِيثُ) ialah (الْحَدِيثُ) sama dengan perkataan (الْأَقَاطِيعُ) yang dijamakkan di atas wazan (قطيع) tetapi kedatangan lafaz jamak atas wazan ini adalah secara syaz, bukan secara qias, Al-Zajjaj berkata:

الْحَدِيثُ مَا يَحْدُثُ بِالْحَدِيثِ

Maksudnya:

Al-Hadis ialah perkara yang diceritakan oleh pencerita-pencerita. (Jamaluddin Muhammad 3, 1303H: 136–139)

Seperti firman Allah Taala yang berbunyi:

وَإِذَا رَأَيْتَ الَّذِينَ يَخْرُضُونَ فِي أَيْتَنَا فَأَغْرِضْ عَنْهُمْ حَتَّى يَخُوضُوا فِي حَدِيثٍ عَيْرِهِ وَإِمَّا يُسْبِّئُكَ الشَّيْطَنُ فَلَا تَقْعُدْ بَعْدَ الذِّكْرِ مَعَ الْقَوْمِ الظَّلِيمِينَ.

Maksudnya:

Dan apabila kamu melihat orang-orang yang memperlok-lokkan ayat kami maka tinggalkanlah mereka sehingga mereka membincarakan pembicaraan yang lain dan jika syaitan menjadikan kamu lupa (akan larangan ini) maka janganlah kamu duduk bersama-sama orang-orang yang zalim itu sesudah teringat (akan larangan itu) (al-Quran, 6: 68)

Pengertian Hadith dari segi istilah:

Semua perkara yang disandarkan kepada nabi (s.a.w.), sama ada perkataan, perbuatan, perakuan atau sifat-sifat nabi s.a.w (Ibrahim t.t. 9 dan Muhammad Adib Salih t.t. 26)

Mengikut pengertian di atas perkataan (الْحَدِيثُ) mempunyai erti yang sama dengan perkataan (الْسُّنَّةِ) (Muhammad al-Zafzaf 1375H/1955M: 233). Walau bagaimanapun terdapat khilaf antara ulama hadith berhubung dengan pengertian al-Hadith ini.

Al-Tibi berpendapat: perkataan al-Hadith adalah umum iaitu termasuk perkataan, perbuatan dan perakuan yang datang daripada nabi (s.a.w.) para sahabat dan para tabiin (Abdul Rahman 1, 1275H/1966M 42). Pendapat ini sesuai dengan pendapat jumhur yang mengatakan bahawa Hadith adalah perkara-perkara yang disandarkan kepada nabi (s.a.w.), para sahabat dan para tabiin (Muhammad Adib Salih t.t 26).

Sebahagian ulama hadith berpendapat bahawa perkataan al-Sunnah lebih umum dari perkataan al-Hadith, kerana perkataan hadith hanya dikhususkan kepada perkataan dan perbuatan nabi (s.a.w.) manakala perkataan al-Sunnah adalah meliputi perkataan, perbuatan dan perkara-perkara lain yang disandarkan kepada nabi (s.a.w.) (Muhammad al-Zafzaf 1375H/1955M 232–233).

PENGERTIAN AL-SUNNAH

Pengertian al-Sunnah dari segi bahasa:

1. Al-Sunnah diertikan dengan jalan sama ada yang baik atau buruk (Muhammad 7 1303H 79) seperti sabda Rasulullah s.a.w.

مَنْ سَنَ فِي الْإِسْلَامِ شَيْءًا حَسَنَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِمْ عَمِيلٌ بِهَا
وَلَا يَنْفَضُّ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَ فِي الْإِسْلَامِ سُوءً سَيِّئَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ
كُتِبَ عَلَيْهِ مِثْلُ وِزْرِهِ عَمِيلٌ بِهَا وَلَا يَنْفَضُّ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ.

Maksudnya:

Barang siapa yang mengatur jalan yang baik di dalam Islam lalu diamalkannya oleh orang yang terkemudian maka ditulis baginya pahala sama seperti pahala orang yang beramal dengannya tanpa dikurangi sedikitpun dan barang siapa yang mengatur jalan yang buruk di dalam Islam lalu diamalkannya oleh orang yang terkemudian darinya maka ditulis ke atasnya dosa sama seperti dosa orang yang beramal dengannya dengan tidak dikurangkan sedikit pun. (Muslim 1370H/1960M, Kitab al-ilm, Bab man sanna sunnah hasanah au sayyiah...)

2. Al-Sunnah diertikan dengan hukum (ketetapan), perintah dan larangan (Muhammad 7 1303H 89). Seperti firman Allah Taala:

شَيْئَةَ اللَّهِ فِي الدِّينِ حَلَوْا مِنْ قَبْلُ وَلَنْ تَجِدَ لِشَيْئَةِ اللَّهِ تَبْدِيلًا

Maksudnya:

Sebagai Sunnah Allah yang berlaku atas orang-orang yang telah terdahulu sebelum (mu) dan kamu sekali-kali tidak akan mendapati perubahan pada sunnah Allah (al-Quran 33:69)

3. Al-Sunnah diertikan dengan tabiat, seperti kata Al-A'sya:

كَرِيمٌ تَمَاثِلُهُ مِنْ نَبِيٍّ مَعْوِيهٍ الْكَرِيمُ مِنَ السَّنَنِ

Maksudnya:

(Ia) adalah seorang yang mulia segala tingkah lakunya. Beliau berasal dari Bani Ma'wiah yang mempunyai tabiat yang mulia. (Muhammad 7 1303H 90)

Pengertian al-Sunnah dari segi istilah:

1. Menurut Istilah fuqaha', al-Sunnah ialah perkara yang berhubung dengan ibadat nafilah yang diriwayatkan daripada nabi (s.a.w.) (Ali 1387H/1968M 127), yang tidak dilakukan oleh baginda (s.a.w) secara berterusan. Ibadat seperti ini adalah digalakkan kepada umatnya agar melakukannya seperti yang dilakukan oleh baginda (s.a.w) (Muhammad al-Sa'di Farhud 1389H/1970M 8).

Pengertian ini sesuai dengan ulama feqah yang berpendapat bahawa perbuatan Rasulullah (s.a.w) adalah menjadi dalil kepada hukum-hukum syarak ke atas segala perbuatan hamba sama ada wajib, haram, harus atau sebagainya (Mustafa al-Sibai 1398H/1978M 49).

Perkataan (سنة) di khususkan kepada perkara-perkara yang digalakkan supaya melakukannya serta tidak ada dalil-dalil yang melarang dari meninggalkannya. Dengan kata lain, (سنة) menurut fuqaha' ialah "Perbuatan yang dituntut oleh syarak ke atas mukallaf melakukannya, tetapi bukan secara jazam iaitu bukan wajib dan bukan fardu. (Abbas Mutawalli Hammadah t.t. 23.) Perkataan (سنة) dengan pengertian ini adalah lawan kepada perkataan (بدعة). (Mustafa al-Sibai 1398H/1978M 48)

2. Menurut istilah ulama usul, al-Sunnah ialah apa sahaja yang datang daripada Rasulullah (s.a.w) yang menjadi dalil syarak, yang terdiri dari kata-kata, perbuatan, dan perakuan yang bukan al-Qur'an, bukan mukjizat dan bukan termasuk dalam kategori mukjizat (Ali 11387H/1968M 127).

Pengertian ini sesuai dengan ulama usul yang melihat Rasulullah (s.a.w) sebagai sahib al-tasyrik yang menetapkan kaedah-kaedah bagi para mujtahid yang datang sesudahnya dan sebagai orang yang menerangkan tentang perlombagaan hidup kepada umat manusia seluruhnya. Oleh sebab itu, ulama usul menumpukan perhatian mereka kepada kata-kata, perbuatan dan perakuan Rasulullah (s.a.w.) yang dapat dijadikan sebagai dalil bagi menthabitkan segala hukum syarak (Mustafa al-Sibai 1398H/1978M 49).

Ulama usul sering menyebut (هدا الحكم ثابت بالسنة) Maksudnya, hukum itu thabit dengan sunnah iaitu tidak ada dalil lain selain dari

al-Sunnah yang menyebut hukum tersebut (Abbas Mutawalli Hamma-dah t.t. 22).

3. Menurut istilah ulama hadith/muhaddithin, al-Sunnah ialah apa sahaja yang diriwayatkan daripada Nabi (s.a.w.) sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan, kelakuan, sifat kejadian, sifat akhlak, tabiat dan apa sahaja yang dinisbahkan kepada Rasulullah (s.a.w) baik sebelum kerasulannya atau sesudahnya dan sama ada sunnah tersebut mengit-batkan hukum syarak atau sebaliknya. (Mustafa Al-Sibai 1398H/1978M 23).

Pengertian ini sesuai dengan objektif perbincangan ulama hadith yang melihat Rasulullah (s.a.w) sebagai al-Imam al-Hadi yang diceritakan oleh Allah (swt) kepada kita iaitu baginda adalah menjadi teladan dan ikutan kepada seluruh umat Islam. Oleh yang demikian ulama hadith telah meriwayatkan apa sahaja perkara yang berkaitan dengan Rasulullah (s.a.w) seperti yang tersebut di atas (Mustafa al-Sibai 1398H/1978M 49).

Pengertian al-Sunnah menurut istilah ulama hadith seperti yang tersebut di atas adalah seajar dengan pengertian al-Sunnah dari segi bahasa, iaitu perjalanan dan jejak langkah (Abbas Mutawalli Hamma-dah t.t. 19). Perjalanan dan jejak langkah. Rasulullah tidak dapat diketahui kecuali melalui perkataan, perbuatan, perakuan Rasulullah (s.a.w) dan sebagainya yang diriwayatkan oleh para sahabat kepada para tabiin kemudian para tabiin pula menyampaikan apa yang diriwayatkan oleh para sahabat kepada para Itba' al-tabiin. Begitulah seterusnya dari satu generasi kepada satu generasi sehingga sampai kepada masa penyusunan dan pembukuannya.

PENGERTIAN AL-QURAN

Sebelum membincangkan tentang kedudukan Sunnah sebagai bayan kepada al-Quran adalah wajar kita melihat pengertian al-Qur'an dan kandungannya.

Pengertian al-Qur'an dari segi bahasa:

Perkataan al-Qur'an adalah masdar (nama terbitan) kepada (قرأة قرأة قرأة) yang menunjukkan beberapa erti. Antaranya: (*al-Munjid fi al-Lughah wa al-alam* 1986M 616-617):

1. Membaca atau melihat dan mutalaah kepada apa yang tertulis, contohnya:

إقرأ الكتاب أى نطق بالكتوب فيه ألقى النظر عليه وطالعه

2. Menyampaі, contohnya:

قرأعليه السلام أى أبلغه إياه

3. Mengumpul dan menghimpun, contohnya:

قرأالشى أى حممه وصم بعضه إلى بعض

4. Mengandung, contohnya:

قرأت الناقة أى حملت

5. Melahirkan anak, contohnya:

قرأت الحامل أى ولدت

Pengertian al-Qur'an dari segi istilah:

Al-Qur'an ialah kitab yang diturunkan oleh Allah (swt) kepada nabi Muhammad (s.a.w) supaya mengeluarkan manusia dari kegelapan dan kesesatan kepada cahaya petunjuk. Ia adalah mukjizat agung kepada nabi Muhammad (s.a.w) Ianya diturunkan dalam tempoh masa dua puluh tahun lebih berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dan keperluannya.

Kebanyakkan ayat-ayat al-Qur'an diturunkan di Mekah dan sekitarnya (85 surah) dan sebahagian lagi diturunkan di al-Madinah al-Munawwarah (39 surah). Ayat pertama yang diturunkan ialah (إقرأ). Hikmat diturunkan secara beransur-ansur supaya Rasulullah (s.a.w) dapat mengingatkannya dengan tepat dan menyenangkan orang-orang Islam menghafaz serta memahaminya dengan peristiwa yang berlaku.

Bilangan surah-surah al-Qur'an sebanyak 114 surah, surah yang paling panjang ialah Al-Baqarah dan yang paling pendek ialah al-Kauthar. Permulaan al-Qur'an diturunkan di Gua Hira' dan yang terakhir diturunkan di Arafah pada tahun kesepuluh hijrah. Ayat yang terakhir diturunkan ialah (أليوم أكملت لكم دينكم), Jarak masa di antara ayat pertama diturunkan dengan ayat yang terakhir ialah 22 tahun, 2 bulan, 12 hari (Anwar Al-Jundi 1991M 3).

KANDUNGAN AL-QUR'AN

Berdasarkan kepada firman Allah:

ما فرطنا في الكتب من شيء

Maksudnya:

Tidak ada sesuatu yang Kami tinggalkan sebutannya dari kitab al-Qur'an. (Al-Qur'an, 6 : 38)

dan firman Allah:

وَرِزْنَا عَلَيْكُمُ الْكِتَابَ تِبْيَانًا كُلَّ شَيْءٍ

Maksudnya:

dan Kami turunkan kepada engkau kitab yang menyatakan segala sesuatu. (Al-Qur'an, 16 : 89)

Kedua-dua ayat di atas memberi faham kepada kita bahawa al-Qur'an mengandungi segala maklumat yang diperlukan dan dihajati oleh manusia dalam memastikan perkara-perkara halal, haram, pahala dan dosa (Muhammad bin Jarir 7 1968M : 161). Tegasnya kesemua urusan agama disebut di dalam al-Qur'an sekurang-kurangnya (secara mujmal)

Al-Qur'an yang diturunkan kepada nabi Muhammad (s.a.w) semata-mata untuk menjamin kebahagiaan manusia di dunia dan di akhirat. Kebahagiaan manusia wujud dalam tiga prinsip:

1. (الصِّرْوَرِيَاتِ) iaitu menjaga agama, nyawa, keturunan, harta benda dan akal.
2. (الحَاجَاتِ) iaitu perkara yang memberi kelonggaran dan kemudahan dalam keadaan tertentu.
3. (التحسِيبَاتِ) iaitu perkara-perkara yang berhubung dengan akhlak dan adat resam yang baik.

Ketiga-tiga perkara ini adalah merupakan maksud dan ruh tasyrik yang dibawa oleh al-Qur'an (Mustafa Al-Sibaii 1978M : 388). Penerangan dan perincian yang dibuat oleh Rasulullah (s.a.w) sama sekali tidak akan terkeluar dari lingkungan maksud dan roh tasyrik al-Qur'an.

SUNNAH SEBAGAI ASAS AGAMA

1. Menguatkan hukum al-Qur'an. Hukum-hukum yang dibawa oleh Sunnah sama dengan hukum yang dibawa oleh al-Qur'an adalah disebut sebagai penyokong atau muakkid kepada al-Qur'an. Hukum yang dihasilkan itu adalah berasaskan dua sumber hukum iaitu al-Qur'an sebagai *muthbit* atau penetap manakala Sunnah sebagai penyokong atau *muakkid*. Contoh Sunnah tersebut ialah seperti, wajib solat, puasa di bulan Ramadhan dan haji serta menunjukkan haram syirik, saksi dusta,

membunuh orang yang maksum dan derhaka kepada kedua-dua ibu bapa (Abdul Wahab Khalaf 1388H/1968M 39).

2. Menyebut hukum yang tidak disebut oleh al-Qur'an. Terdapat Sunnah yang membawa hukum baru iaitu hukum yang tidak dinyatakan di dalam al-Qur'an. Sunnah yang datang dalam bentuk ini tidak bertujuan untuk menyokong atau menerangkan al-Qur'an. Kedatangan Sunnah dalam bentuk ini adalah sesuai dengan perakuan Rasulullah (s.a.w) kepada Muaz yang akan merujuk masalah yang tidak disebut hukumnya di dalam Al-Qur'an kepada sunnah dan cacian Rasulullah (s.a.w) ke atas mereka yang meninggalkan Sunnah tetapi hanya berpegang kepada al-Qur'an (Abdul Azim Abdul Salam 1380H/1960M 29). Contoh Hadith yang diriwayatkan oleh al-Miqdam bin Ma'dikariba daripada nabi (s.a.w)

أَلَيْنِي أُوتِيتِ الْكِتَابُ وَمِثْلُهُ مَعَهُ

Maksudnya:

Ketahuilah sesungguhnya diberikan kepadaku al-Kitab (al-Qur'an) dan bersama-sama diberi pula perkara yang serupa. (Abu Daud 1973M Kitab al-Sunnah, Bab Fi Luzum al-Sunnah)

Sunnah yang membawa hukum yang tidak disebut oleh al-Qur'an ialah hadis yang mengharamkan makan daging binatang yang bertaring dan haram berkahwin secara jamak atau himpun di antara anak saudara dan emak saudara, sama ada dari sebelah bapa atau emak (Abdul Wahab 1388H/1968M 40).

Dalam konteks ini Sunnah Rasulullah (s.a.w) tidak akan mendatangkan hukum-hukum yang bertentangan dengan al-Qur'an. Ini adalah kerana Rasulullah (s.a.w) mengetahui apa yang disampaikan oleh Allah Taala dan tujuan syariat. Di samping itu Allah telah memberi taufiq kepada baginda ke jalan yang hak dan istiqamah di atas kebenaran serta Allah menjaga baginda daripada segaia bentuk penyelewengan. Hal ini jelas tercatat di dalam firman Allah (swt):

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهُوَى إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى

Maksudnya:

Dan tiadalah yang diucapkannya itu menurut kemahuan hawa nafsunya (Muhammad). Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya (al-Quran, 53 3-4)

Dan sabda Rasulullah s.a.w

فَإِنِّي لَا أُقُول إِلَّا حَقًا

Maksudnya:

Aku tidak akan mengatakan sesuatu melainkan benar semata-mata (Ahmad 1974M 74).

Setelah kita melihat Sunnah sebagai asas agama, maka taat kepada Allah adalah beramal dengan al-Qur'an dan berpandukan kepada Sunnah Rasulullah (s.a.w). Allah Taala telah memerintahkan supaya taat kepada Rasul-Nya bersama dengan perintah taat kepadaNya. Rasulullah (s.a.w) telah mencaci mereka yang mengkaji al-Qur'an dengan tidak berpandukan kepada Sunnah, seperti sabdanya:

وَمَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَلَيَبْثُوا مَقْعِدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya:

Dan barang siapa yang memperkatakan tentang al-Qur'an mengikut pendapatnya sendiri maka hendaklah ia mengambil tempatnya di dalam neraka. (al-Tirmizi 1980M *Abwab Tafsir al-Qur'an*, bab *ma ja a fi al-Lazi yufassir al-Qur'an bi ra'yih*)

AL-SUNNAH SEBAGAI MUBAYYIN AL-QUR'AN

Berdasarkan kepada ayat al-Qur'an yang berbunyi:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمُ الذِّكْرَ لِتَبَيَّنَ لِلنَّاسِ مَا نَزَّلْنَا إِلَيْهِمْ وَلِعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya:

Dan Kami turunkan al-Qur'an kepada kamu, supaya kamu menerangkan kepada manusia apa yang diturunkan kepada mereka dan supaya mereka dapat berfikir (al-Qur'an, 16 44).

Perkataan (تَبَيَّنَ) (تَبَيَّنَ) berasal dari perkataan (بَيَّنَ) bererti menerangkan atau memberi penerangan terhadap sesuatu. Contohnya: (مَبَيِّنَ لِلْقُرْآنِ) (مَبَيِّنَ) ialah memberi penerangan terhadap sesuatu (Al-Munjid 1986M 57).

Rasulullah (s.a.w) telah ditugaskan sebagai orang yang memberi penerangan terhadap al-Qur'an (مَبَيِّنَ لِلْقُرْآنِ). Penerangan ini dibuat kepada para sahabat baginda. Para sahabat pula memberi penerangan kepada para tabiin dan begitulah seterusnya (Ibn Khaldun 1401H/1981M 554).

Sunnah adalah sebaik-baik penerang atau mubayyin kepada al-Qur'an seperti kata-kata 'Umar (r.a.):

إِنَّهُ سَيَّئَتِي نَاسٌ يَجَادِلُوكُمْ بِتَبَهَّاتِ الْقُرْآنِ فَحَدُّوْهُمْ بِالسِّنْنِ إِنَّ السِّنْنَ أَعْلَمُ بِكِتَابِ اللَّهِ

Maksudnya:

Akan datang manusia yang akan menyerang kamu melalui perkataan syubhabah di dalam al-Qur'an, maka hendaklah kamu padamkan mereka melalui Sunnah-sunnah Nabi (s.a.w.) kerana sesungguhnya ahlul Hadith sahajalah yang paling mengetahui dengan maksud kitab Allah (al-Qur'an) (Abdullah I t.t.. 49).

Berhubung dengan hal ini Amran bin Husain pernah menegaskan kepada seorang lelaki dengan katanya:

إِنَّكَ إِمْرُوءٌ أَحْمَقٌ أَتَجَدُ فِي كِتَابِ اللَّهِ صَلَاةً الظَّهِيرَةِ أَرْبَعاً لَّا تَجِدُ فِيهَا؟ عَدْدَ الصَّلَاةَ وَالزَّكَاةَ وَنِحْوَاهَا. ثُمَّ قَالَ: أَتَجَدُ هَذَا مُفْسِراً فِي كِتَابِ اللَّهِ؟ كِتَابُ اللَّهِ قَدْ أَحْكَمَ ذَلِكَ وَالسُّنْنَةَ تَفْسِرُهُ

Maksudnya:

Sesungguhnya engkau adalah seorang yang bodoh adakah engkau dapat di dalam al-Qur'an yang menyatakan solat zuhur empat rakaat dengan tidak dinyaringkan bacaannya? – beliau membilang semua sembahyang, zakat dan sebagainya – kemudian Amran berkata lagi: adakah engkau dapat pentafsiran ini semua di dalam al-Qur'an? Sesungguhnya al-Qur'an telah menetapkan perkara itu semua dan Sunnahlah yang mentafsirkannya (Ibrahim 4, 1969M: 19)

Oleh itu ternyata bahawa Sunnah memainkan peranan yang besar dalam menentukan maksud al-Qur'an serta menghilangkan perselisihan dan kesamaran terhadap kefahamannya (Ali Hasbullah 1976M 46).

PENERANGAN SUNNAH TERHADAP AL-QUR'AN

Sunnah dalam memberi penerangan kepada al-Qur'an dapat digambaran dalam tiga bentuk seperti berikut:

1. Memperincikan mujmal al-Qur'an

Mujmal ialah (مَاحِمِيتَ دَلَائِهِ عَلَى مَعْنَاهُ) maksudnya "lafaz yang tidak terang maksudnya," misalnya seorang guru berkata: (رَارِي طَالِبٍ) (seorang pelajar telah menziarahi saya), perkataan (طَالِبٍ) (pelajar) itu samar tidak boleh kita tentukan siapakah pelajar yang dikehendaki oleh guru tersebut kerana kita telah ketahui bahawa guru itu mempunyai ramai pelajar, oleh itu untuk mengatasi kesamaran tersebut, perlulah bagi kita untuk memdapatkan penerangan daripada guru berkenaan (Abdul Azim Abdul Salam 1380H/1960M 26).

Allah (swt) juga memerintahkan wajib sembahyang di dalam al-Qur'an secara mujmal tanpa menerangkan waktu, rukun-rukun, bilangan rakaat dan sebagainya.. Oleh itu Sunnah Rasulullah (s.a.w.)

menerangkan perkara tersebut melalui sabdanya:

صلوا كماتروني أصلی

Maksudnya:

Hendaklah kamu sembahyang sepetimana kamu melihat aku sembahyang (Ahmad bin Hanbal 5, t.t. 53)

Al-Qur'an telah menwajibkan haji tanpa menerangkan perbuatannya, maka Sunnah Rasulullah (s.a.w) telah menerangkannya. Seperti sabdanya yang berbunyi:

خُدُوا مَنْاسِكَكُمْ فَإِنِّي لَا أَدْرِي لَعَلَّى أَنْ لَا أَجِعَّ بَعْدَ حَجَّتِي هَذِهِ

Maksudnya:

Contohilah dalam melaksanakan ibadat haji kamu kerana sesungguhnya aku tidak tahu kemungkinan aku tidak dapat menuaikan haji lagi sesudah ibadat haji aku pada kali ini (Ahmad bin Hanbal 3, t.t. 53)

Al-Qur'an juga mewajibkan zakat tanpa menerangkan jenis harta yang diwajibkan dan tidak menerangkan kadar yang wajib dikeluarkan. Semua itu diterangkan oleh Sunnah Rasulullah (s.a.w.) (Ali Hasbullah 1976M 47).

Lihat pula firman Allah Taala yang berbunyi:

وَكُلُوا وَأْشْرُبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْحَيْطُ الْأَيْضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ

(al-Qur'an, 2:187)

Setelah turun ayat tersebut sebahagian dari kalangan para sahabat memahami bahawa yang dimaksudkan dengan (حيط الأيض) ialah, benang putih manakala (حيط الأسود) ialah benang hitam. Oleh itu, mereka mengambil dua utas benang, satu putih dan satu hitam, kemudian diletakkan kedua-dua di bawah bantal, dan mereka sentiasa makan serta minum sehingga mereka dapat melihat dan membezakan di antara keduanya. Setelah mereka bertanyakan Rasulullah (s.a.w) berhubung dengan perkara tersebut, lalu Rasulullah (s.a.w) menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan (حيط الأيض) ialah Fajar sadiq atau cahaya menjelang siang dan (حيط الأسود) ialah gelap malam (Abdul Azim Abdul Salam 1380H/1960M 27-28).

2. Mentaqyidkan mutlaq al-Qur'an

Mutlaq ialah (لفظ حاصل لم يقيد بقيد يقلل تسيوعه) maksudnya: lafaz khas yang tidak diqaidon dengan apa-apa qaid yang boleh menyempitkan keluasan makna lafaz berkenaan, seperti perkataan, (حيوان) mak-sudnya: lafaz khas yang di qaidon dengan lafaz yang lain yang boleh menyempitkan keluasan makna lafaz berkenaan, seperti perkataan (حيوان عاقل) (Abdul Azim Abdul Salam 1380H/1960M 28). Sebagai contohnya firman Allah Taala:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيهِمَا
(al-Qur'an, 5 38)

Potong tangan di dalam ayat tersebut adalah secara mutlak tanpa mentaqyidkan tempat yang tertentu. Oleh itu sunnah Rasulullah (s.a.w.) mentaqyidkan tempat potongan yang dikehendaki iaitu pada pergelangan tangan.

Firman Allah Taala:

وَلْيَطَوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ
(al-Qur'an, 22 29)

Dalam ayat di atas al-Qur'an mewajibkan tawaf secara mutlak, oleh yang demikian sunnah Rasulullah s.a.w mentaqyidkan dengan bersuci daripada hadas.

Dan firman Allah Taala:

مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُؤْرِصِي بِهَا
(al-Qur'an, 4 11)

Wasiat yang disebut oleh al-Qur'an didalam ayat tersebut adalah secara mutlak. Oleh itu sunnah Rasulullah (s.a.w) mentaqyidkan bahawa wasiat yang diharuskan hanya sekadar satu pertiga daripada harta yang dimiliki oleh seseorang yang hendak melakukan wasiat tersebut (Ali Hasbullah 1976M 47).

3. Mentaksiskan umum al-Qur'an

Allah Taala telah menyatakan bahawa anak-anak mendapat pesaka daripada bapa dan ibu mereka melalui firmanNya:

يُوصِّيْكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذِّكْرِ مِثْلُ حَظِّ الْأَنْثَيْنِ
 (al-Qur'an, 4: 11).

Ayat tersebut menyatakan hukum secara umum iaitu semua usul adalah pewaris sementara semua fur'ū adalah waris. Oleh itu Sunnah mentakhsiskan bahawa usul yang menjadi pewaris ialah bukan Nabi, seperti hadith yang diriwayatkan oleh Abu Bakar dengan katanya:

سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: لأنورت ماتركنا صدقة

Maksudnya:

Aku mendengar Rasulullah (s.a.w.) bersabda Tidak harus menerima pesaka daripada kami, bahkan apa sahaja yang kami tinggalkan adalah menjadi sedekah. (al-Bukhari 1325H *Kitab al-Faraid, Bab qaul al-Nabi* (s.a.w.) *La nurath ma tarakna sadaqah*).

Sunnah juga mentakhsiskan anak-anak yang boleh menerima pesaka hanya anak-anak yang tidak menjadi pembunuh ke atas pewaris sebagaimana Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

لا يرث القاتل

Maksudnya:

Pembunuh tidak dapat menerima pesaka. (Ad-Darimi t.t. *Kitab al-Faraid, Bab mirath al-qatil*)

PENUTUP

Kita sebagai umat Islam dengan sendirinya kita menyerah diri kepada Allah s.w.t. dan menerima sepenuhnya segala perintah dan meninggalkan segala laranganNya, disamping mencari serta menuntut keredhaan Allah (swt) dengan meletakkan wahyu sebagai asas bagi segala niat dan amalan dalam menjalani kehidupan di dunia yang menjadi tempat menyediakan bekalan kepada kehidupan di Akhirat.

Kita memiliki dua jenis wahyu, iaitu wahyu (مَتْلُوْ) ialah al-Qur'an dan wahyu (مَقْرُوْءْ) ialah al-Hadith. Kedua-dua wahyu ini adalah menjadi asas kepada agama Islam. Islam membawa prinsip saadah kepada kehidupan manusia sejagat di dunia ini dan juga di akhirat nanti. Prinsip-prinsip saadah yang dimaksudkan itu ialah prinsip *al-dharuriyyat*, prinsip *al-hajiyat* dan prinsip *al-tahsiniyyat*. Pengajaran al-Qur'an dan al-Hadith adalah mengandungi ketiga-tiga prinsip itu yang mana al-Qur'an menyebutnya secara *mujmal* dan al-Hadith

menerangkannya secara terperinci.

Berdasarkan keterangan di atas, maka al-Hadith hendaklah dibaca secara bersama dengan al-Qur'an bagi maksud mengambil hukum dan sebarang maklumat dalam berbagai-bagai bidang seperti akidah, akhlak, muamalah dan lain-lain, seperti firman Allah Taala:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمُ الذِّكْرَ لِتَبَيَّنَ لِلنَّاسِ مَا نَزَّلْنَا إِلَيْهِمْ وَلِعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

(al-Qur'an, 16:44)

Rasulullah (s.a.w) diberi tanggungjawab untuk menerang dan metafsirkan kehendak al-Qur'an kepada umatnya, baik melalui kata-kata, amalan atau pengakuan pada perkara-perkara yang diamalkan oleh masyarakat manusia yang tidak bertentangan dengan kehendak dan ruh al-Qur'an. Oleh yang demikian kita hendaklah berpegang teguh kepada ajaran Rasulullah (s.a.w) dengan melaksanakan apa sahaja yang telah diperintahkan oleh Rasulullah (s.a.w) sebagaimana Firman Allah Taala:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ
وَذِكْرُ اللَّهِ كَثِيرًا

Maksudnya:

Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah (s.a.w.) itu teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharapkan (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah (al-Qur'an, 33 : 21)

RUJUKAN

- Al-Qur'an Al-Karim. 1979. *Terjemahan yayasan menyelenggara menterjemah, pentafsiran Al-Qur'an*, Cet. Kedua, Selangor: Percetakan Polografi.
- Abdullah bin Muhammad Basmiah. 1983. *Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*, Cet. ke 6, Kuala Lumpur: Percetakan Adabi.
- Abdullah bin Abdul Muhsin Al-Turki. 1977. *Asbab Ikhtilaf Al-Fuqaha*, Al-Riyad: Maktab Al-Riyad Al-Hadithah, Al-Tab'ah Al-Thaniyyah.
- Abdul Azim Abdul Salam. 1960. *Muhadharat Fi Al-Sunnah*. Matbaah dar Al-Ta'lif, At-Tabaah A1-Taniyyah.
- Abbas Mutawali Hamadah. t.t. *Al-Sunnah Al-Nabawiyyah wa makanatuha fi Al-Tasyrik*. Al-Qahirah: Ad-Dar Al-Kaumiyah li At-Tabaah wa A1-Nasyr.
- Abdul Wahab Khalaf. 1968. *Ilmu Usul Fiqah*. Ad-Dar Al-Kuwaitiyah Li At-Tabaah Wa A1-Nasyr, A1-Tibaah A1-Thaminah.
- Al-Razi, Abdul Rahman bin Abi Hatim Muhammad bin Idris. 1952. *Kitab Al-Jarah wa Al-Taadil*. Al-Hind: Matbaah A1-Maarif Al-Othmaniyyah, Al-Tabaah Al-Ula.
- Al-Shafie, Iuhammad bin Idris. 1940. *Al-Risalah*. Tahqiq Ahmad Muhammad

- Shakir, Mesir: Mustafa Al-Babi Al-Halabi, At-Tabaah Al-Ula.
- Al-Shatibi, Ibrahim Bin Musa Al-Lakhmi Al-Gharnati. 1969 *Al-Muwafaqatu fi usul Al-Ahkam*. Tahqiq Muhamad Mahyuddin bin Abdul Hamid, Midan Al-Azhar: Maktabah wa matbaah Muhammad Ali Sabih wa Auladih.
- Al-Khatib Al-Baghdadi, Abu Bakar Ahmad bin Ali bin Thabit. t.t. *Kitab Al-Kiyah fi Ilmu Al-Riwayah*. Al-Madinah Al-Munawwarah: Al-Maktabah Al-Alamiyyah.
- Al-Darimi, Abdullah bin Abdul Rahman bin Al-Fasl. t.t. *Sunnan Ad-Darimi*. Dar Ihya As-Sunnah Al-Nabawiyah.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa bin Surah. t.t. *Al-Jami' Al-Sahih wa huwa Sunnan At-Tirmizi*. Tahqiq Ibrahim Atwah, Meseir: Mustafa Al-Babi Al-Nalabi.
- Ahmad bin Hanbal. t.t. *Musnad Al-Imam Ahmad bib Hanbal*. Al-Maktab Al-Islami.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali Al-Asqilani. 1959 *Fath Al-Bari Biasrh Al-Bukhari*. Mesir: Mustafa Al-Babi Al-Halabi.
- İbrahim Dusuki Al-Syahawi. t.t. *Mustalah Al-Hadis*. Syarikah Al-Tibaah Al-Fanniyah Al-Muttahidah.
- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad bin Mukram Al-Ansari. 1303H. *Lisanun Arab Al-Matbaah Al-Miriyyah Bi Babluq Misr Al-Ma'ziyyah*, Al-Tibaah Al-Ula.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid Al-Qazwini. t.t. *Sunnan Ibn Majah*, Tahqiq Muhammad Fuad Abdul Baqi. Mesir: Isa Al-Babi Al-Halabi wa Syarikah Khalil Ahmad Al-Saharanfuri. 1973. *Bazlu Al-Majhur fi Halli Abi Daud*. Ta'liq Muhammad Zakaria Bin Yahya, Dar Al-Kitab Al-Alamiyyah.
- Muhammad Adib Salih. t.t. *Lamhat fi Usul Al-Hadis wal Balaghah Al-Nabawiyah*. Al-Maktab Al-Islami Li Al-Tibaah wa An-Nasyr.
- Muhammad Al-Sa'di Farhud. 1970. *At-Ta'rif Bi Al-Hadis As-Syarif*. Dar Al-Tibaah Al-Muhammadiyyah Bi Al-Azhar.
- Muhammad Al-Zafzaf. 1955. *Al-Ta'arif Bi Al-Qur'an wa Al-Hadis*. Matbaah Al-Sunnah Al-Muhammadiyyah At-Tibaah Al-Ula.
- Muhammad bin Abdullah. t.t. *Al-Mustadrik Ala As-Sahihain Fi Al-Hadis*, Al-Riyadh: Maktabah wa Mutabi' Al-Nasyr Al-Hadithah.
- Malik bin Anas Al-Asbahi. 1976. *Muwatta' Al-Imam Malik*. Tahqiq Abdul Wahab Abdul Latif. Al-Qahirah: Al-Jumhuriyyah Al-Arabiyyah Al-Muttahidah, Al-Majlis Al-A'la Li Al-Syuuni Al-Islamiyyah li Jannah Ihya' At-Turath Al-Islami.
- Muslim Bin Al-Hajjaj Al-Qusyairi Al-Naisaburi. t.t. *Sahih Muslim*. Tahqiq Muhammad Fuad Abdul Baqi. Dar Ihya' Li Al-Turath Al-Arabi.
- Mustafa Al-Sibai. 1978. *Al-Sunnah Wa makanatuha fi Al-Tasyrik Al-Islami*. Damsyik: Al-Maktab Al-Islami, Al-Tibaah Al-Thaniyyah.
- Tanpa nama pengarang. 1986. *Al-M Fi Al-Lughah wa A'lam*. Bairut: Mansurat Dar Al-Musyriq.
- Anwar Al-Jundi. 1991. *Madkhal Ila Al-Qur'an Al-Karim*. Qahirah, Dar Al-Itisam.
- Abdul Rahman Bin Khaldun. 1981. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Bairut: Dar Al-Fikri Li Al-Tibaah Wa Al-Nasyr Wa Al-Tauzi.
- Muhammad bin Jarir Al-Tabari. 1968. *Jami' Al-Bayan an Tawil At Al-Qur'an*. Mustafa Al-Babi Al-Halabi, Al-Tibaah Al-Thalithah.

Muhammmad bin Ahmad Ansari Al-Qurtubi. t.t. *Al-Jami' Al-Ahkam Al-Qur'an.*
al-Qahirah Dar al-Sya'abun.

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor Darul Ehsan.